GSMA Mengumumkan Enam Penerima Geran Baru bagi Mobile Money untuk Program Tanpa Perbankan

HONG KONG, November 18/PRNewswire/ -- GSMA, sebuah badan yang mewakili industri komunikasi mudah alih seluruh dunia, hari ini mengumumkan perincian bagi enam geran tambahan dari Mobile Money untuk Dana Tanpa Perbankan (MMU), yang ditadbir oleh GSMA Foundation. Penerima geran yang baru adalah AKTEL di Bangladesh, Dialog Telekom PLC di Sri Lanka, Grameenphone Ltd di Bangladesh, MTN Cameroon, MTN Uganda dan Vodacom Tanzania. Geran disediakan untuk projek yang mempromosi pengambilan perkhidmatan *mobile money* untuk tanpa perbankan dan di bawah perbankan, yang membiayai projek sehingga bernilai AS$1 juta.

"Geran MMU ini dan yang diumumkan sebelum ini digunakan untuk mempercepat penerimaan dan penerapan meluas perkhidmatan *mobile money* untuk golongan pelanggan kebanyakan secara global," ujar Gavin Krugel, Pengarah GSMA. "Operator berusaha mengurangkan jurang prasarana yang wujud di kawasan luar bandar dan menjadikan mCommerce lebih senang diperoleh, lebih mudah dan mampu dimiliki pelanggan."

"*Mobile money* boleh mengubah kehidupan individu tanpa perbankan kepada kehidupan yang lebih baik. Perkhidmatan *mobile money* mendatangkan faedah yang sebenar-benarnya dan serta-merta, dari segi membantu individu menjalankan jenis transaksi dan kiriman wang harian yang kurang diberi perhatian, atau memberikan alat kewangan untuk membantu meningkatkan perniagaan kecil atau pun memulakan perniagaan. Bagi kebanyakan orang, ini kali pertama mereka mendapat identiti kewangan – suatu perubahan yang amat besar dan positif," kata Eden Zoller, Ketua Penganalisis, Ovum.

Menurut penyelidikan, hanya 13 peratus daripada penduduk Bangladesh mempunyai akaun bank, bermakna, lebih daripada 130 juta orang tidak mendapat perkhidmatan kewangan yang rasmi. Dana MMU telah diberikan kepada dua penerima di Bangladesh, AKTEL (sebuah syarikat usaha sama antara Axiata Group Berhad dari Malaysia dan NTT DoCoMo dari Jepun) dan Grameenphone Ltd. Pada bulan November, AKTEL akan melancarkan perkhidmatan pembayaran bil (secara mudah alih) untuk pelanggan elektrik, suatu perkhidmatan yang telah dianugerahkan oleh Bangladesh Power Development Board (BPDB) kepada AKTEL. Di bawah daya usaha mCommerce, AKTEL memperkenalkan perkhidmatan berasaskan SMS dan IVR dengan tujuan membantu komuniti luar Bandar yang menghadapi kesulitan kewangan, yang ingin memudahalihkan wang dalam cara yang lebih mudah dan cepat. Grameenphone berhasrat meningkatkan penggunaan perkhidmatan kewangan di kawasan luar bandar bagi membolehkan pekerja yang sentiasa berubah lokasi dalam bandar mengirim wang kepada keluarga mereka yang menetap di luar bandar.

Dengan menggunakan perkhidmatan di bawah perbankan, perkhidmatan tanpa perbankan dan perkhidmatan lain yang menghadapi kesulitan

kewangan kerana kadar faedah yang tinggi dari perkhidmatan sedia ada, Grameenphone dan AKTEL membolehkan individu mewujudkan identiti kewangan yang dapat memberikan faedah kepada seluruh komuniti. Dengan kelulusan kawal selia, pelaksanaan perkhidmatan *mobile money* membolehkan warga Bangladesh menggunakan perkhidmatan baru yang lebih cekap, lebih cepat dan lebih selamat, dan membantu mengurangkan kemiskinan di Bangladesh dalam jangka masa panjang.

Dialog yang beribu pejabat di Sri Lanka merancang untuk memperkenalkan perkhidmatan mCommerce ke wilayah Utara dan Utara Tengah Sri Lanka. Dialog akan menumpukan pada wilayah yang kurang mendapat prasarana perkhidmatan kewangan, dan sedang berusaha untuk mempertingkatkan kehidupan penduduk dengan menyediakan barisan perkhidmatan mCommerce pada harga yang mampu dimiliki, termasuk pembayaran bil utiliti, pemindahan wang ke pihak ketiga, pembayaran melalui kaunter dan pengeluaran/penyimpanan wang tunai.

Kurang daripada 10 peratus penduduk Cameroon yang bekerja mempunyai akaun bank kerana prasarana perbankan yang mundur dan tidak banyak disediakan. Namun begitu, ini juga berpunca dari kebanyakan penduduk Cameroon bekerja sendiri, oleh itu mereka tidak mempunyai slip gaji yang membolehkan mereka membuka akaun di bank. Perkhidmatan MobileMoney MTN, yang diwujudkan melalui kerjasama dengan rangkaian mikrokewangan yang besar, boleh sampai kepada petani, pekerja dan usahawan kecil, di mana pemindahan wang boleh digunakan untuk pembayaran rakan ke rakan, akaun ke tunai dan tunai ke tunai. Tertakluk kepada kelulusan kawal selia, MobileMoney juga akan digunakan untuk membayar bil utiliti, yang boleh diterima secara langsung ke telefon mudah alih dan pembayaran boleh dibuat dengan serta-merta.

Menurut penyelidikan, 60 peratus daripada penduduk Uganda langsung tidak mendapat kemudahan perkhidmatan seperti ini dan 71 peratus daripada mereka menyimpannya di tempat yang ‘rahsia’ seperti di bawah tilam. MTN Uganda akan membantu menyediakan perkhidmatan perbankan kepada 86 peratus penduduk yang tinggal dan bekerja di luar bandar, membayar faedah tertentu kepada peniaga berskala kecil dan mereka yang membeli dan menjual hasil pertanian. Perkhidmatan MTN menumpukan pada keringkasan dan keselamatan pemindahan wang mudah alih, yang akan merapatkan jurang antara komuniti luar bandar dan bandar, dan membolehkan peniaga menggunakan pemindahan wang mudah alih untuk mengurangkan kos pengangkutan dan membantu mereka mengelak daripada menjadi sasaran pencuri yang gemar mengambil kesempatan daripada keadaan.

Vodacom Tanzania telah menubuhkan dan mengembangkan tapak pelanggan M-PESA, walau bagaimanapun kekurangan wang tunai boleh guna di pihak rangkaian ejen menjadi halangan utama untuk meningkatkan pemegangan apungan e-money ejen dan juga jumlah transaksi. Geran MMU akan menyokong projek bagi membolehkan Vodacom Tanzania menyediakan barisan

kredit e-money atau kredit pusingan yang lebih meluas dari segi geografi bagi meningkatkan jumlah nilai pemegangan apungan dalam rangkaian ejen M-PESA. Pelaburan tambahan ini akan meningkatkan akses dan penggunaan pelanggan memandangkan usahawan mempunyai kuasa untuk melabur dalam peluang perniagaan M-PESA dan mengembangkan rangkaian ejen.

Program MMU dibantu oleh geran AS$12.5 juta daripada Yayasan Bill & Melinda Gates dan berfungsi dengan operator mudah alih, bank, institusi mikrokewangan, kerajaan dan organisasi pembangunan bagi menggalakkan pengembangan perkhidmatan kewangan mudah alih yang mampu dimiliki kepada perkhidmatan tanpa perbankan. Dana MMU diwujudkan untuk mempercepat pelaksanaan mobile money yang menyasarkan pelanggan kebanyakan yang tidak mempunyai kemudahan perbankan, dan masih mempertimbangkan permohonan daripada operator di seluruh dunia.

Mengenai GSMA

GSMA mewakili kepentingan industri komunikasi mudah alih seluruh dunia. Merentasi 219 negara, GSMA menyatukan hampir 800 operator mudah alih seluruh dunia, dan juga lebih daripada 200 syarikat dalam ekosistem mudah alih yang lebih luas, termasuk pembuat telefon bimbit, syarikat perisian, pembekal kelengkapan, syarikat Internet dan organisasi media dan hiburan. GSMA menumpukan pada pembaharuan, menghasilkan dan mencipta peluang baru untuk ahlinya, semuanya dengan tujuan memacu pertumbuhan industri komunikasi mudah alih.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lawati Mobile World Live, portal baru dalam talian untuk industri komunikasi mudah alih, di http://www.mobileworldlive.com atau laman web korporat GSMA di http://www.gsmworld.com atau http://www.mmublog.org

Sumber: GSMA

GSMA, Richard Fogg: +44-7887-845-236, Daniel Lowther: +44-7747-636-687, press@gsm.org